

Pengambilan terbesar sejak ia ditubuhkan

USIM terima 1,894 pelajar baru



SEBAHAGIAN pelajar baru USIM melafaz Ikrar pada program Minggu Ta'aruf Sarjana Muda Sesi Akademik 2011/2012 di Stadium Tertutup Nilai, Seremban, baru-baru ini.

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**
utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 13 Sept. - Seramai 1,894 pelajar mendaftar bagi melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Muda dalam pelbagai aliran di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, dekat sini, Rabu lalu.

Jumlah tersebut meliputi 533 pelajar lelaki dan 1,361 pelajar perempuan yang bakal mengikuti pengajian di lapan fakulti pengajian di USIM.

Sebaik selesai program pendaftaran, penuntut turut diwajibkan menyertai program Minggu Ta'aruf Sarjana Muda Sesi Akademik 2011/2012 USIM yang diadakan di Stadium Tertutup Nilai.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda berkata, jumlah tersebut secara tidak langsung merupakan pengambilan terbesar sejak USIM ditubuhkan.

Katanya, kesemua pelajar berkenaan melanjutkan pengajian dalam pelbagai aliran seperti sains sosial, sains dan teknologi serta bidang perubatan dan pergigian.

"Kemuncak program ini adalah ketika penyampaian Amanat dan Lafaz Ikrar Pelajar Baru.

"Setiap pelajar diwajibkan mem-

Setiap pelajar diwajibkan membaca ikrar serta membuat aku janji demi memastikan mereka sentiasa berada di landasan yang tepat dan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan universiti

PROF. DATUK DR. MUHAMAD MUDA
Naib Canselor USIM

baca ikrar serta membuat aku janji demi memastikan mereka sentiasa berada di landasan yang tepat dan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan universiti," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurutnya, menerusi lafaz ikrar tersebut, mereka bertekad untuk mencapai kecemerlangan dan menjadi warga yang baik terhadap universiti itu selain agama, bangsa dan negara.